

09/06/2002

Pinjaman pendidikan kerajaan bukan hak mutlak

Azran Jaffar

MENGULAS terhadap isu sebahagian Institut Pengajian Tinggi Swasta (IPTS) terpaksa gulung tikar, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, bahawa kerajaan tidak berupaya memberi pinjaman sepenuhnya kepada pelajar IPTS. Sehubungan itu beliau meminta ibu bapa mencari sumber lain bagi menampung kos berkenaan. Adakah ini berlaku kerana budaya subsidi masih menguasai minda sebahagian kita walaupun ada di antara mereka sudah meraih nikmat Dasar Ekonomi Baru atau kesedaran terhadap membayar untuk pendidikan masih rendah? Wartawan Berita Minggu, AZRAN JAFFAR menemui tokoh pendidikan yang juga Presiden/Ketua Eksekutif Universiti Tun Abdul Razak (UNITAR) Datuk Dr Syed Othman Alhabshi untuk memperkatakan perkara ini.

BAGAIMANA Datuk melihat apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri mengenai bantuan pinjaman itu?

Saya setuju dengan pandangan Dr Mahathir bahawa ibu bapa dan keluarga harus bersedia untuk menampung pembiayaan pendidikan mana-mana ahli keluarga supaya beban modal untuk pinjaman tidak semuanya datang daripada kerajaan. Kalau kita lihat bangsa lain, di mana pun, yang maju biasanya memberikan penekanan kepada pendidikan. Begitu juga Islam. Kalau kita katakan pendidikan harus diberi penekanan oleh setiap orang, kita harus sama-sama menanggung beban. Inilah prinsipnya.

Yang kedua, isu yang saya hendak bangkitkan ialah hakikat, ada satu korelasi yang positif antara prestasi akademik yang rendah dengan sosioekonomi yang rendah. Biasanya keluarga yang tergolong dalam pendapatan rendah, prestasi akademik juga rendah dan bilangan ini bukannya kecil. Isu yang berkaitan dengannya, hampir setiap badan yang memberi biasiswa melihat kepada prestasi akademik yang biasanya kalau prestasi tinggi datangnya daripada yang berada. Kalau diberikan biasiswa kepada mereka dengan taraf akademik yang rendah kemungkinan dia tidak berjaya. Kita beri biasiswa kepada yang lemah dia mungkin gagal. Jadi usaha meningkatkan taraf pendidikan masih tidak tercapai. Ini betul... itu sebabnya polisi pemberian biasiswa begitu (kepada mereka yang prestasi akademiknya baik). Tetapi malangnya ia menunjukkan bahawa kita meninggalkan golongan bawah (sosioekonomi rendah) yang ramai juga mempunyai prestasi akademik yang rendah. Ini yang harus kita fikirkan juga.

Saya berpendapat bahawa, walaupun kita seharusnya menekankan taraf pendidikan akademik supaya pembiayaan yang kita beri itu berjaya, tetapi pertimbangkan juga mereka yang di bawah, untuk memberikan pendidikan yang berlainan sedikit di mana mereka mempunyai kemampuan untuk berjaya.

Berbalik kepada apa yang dikatakan oleh Perdana Menteri yang mana saya setuju dari segi prinsipnya, kemungkinan kita tidak mampu melaksanakan dasar ini serta-merta. Misalnya, kita buat tahun ini, saya rasa tak mampu, sebab ini akan menjejaskan, macam kata (Presiden Persatuan Kebangsaan IPTS Bumiputra Malaysia) Datuk Dr Ismail Muhd Salleh, bukan saja IPTS Bumiputra tetapi juga bilangan Bumiputra di dalam IPTS. Sebabnya, saya perhatikan macam di sini pun (UNITAR) hampir 80 peratus pelajar bergantung kepada pembiayaan seperti itu.

Kita harus galakkan ibu bapa untuk memikirkan secara jangka panjang bahawa penekanan kepada pendidikan itu diberikan sekuat mungkin dan usaha untuk menunjukkan kita berikan penekanan itu juga seimbang. Jangan kita kata "saya tekankan pendidikan anak saya" setakat itu, tetapi bila soal

pembiayaan, "saya hendak biasiswa, pinjaman". Ini bermakna, walaupun pada rohnya kita menekankan, tetapi pada usaha, tidak. Kita hendak usaha itu ditingkatkan.

Bagi yang susah, pinjaman dan biasiswa sajalah peluang untuk melanjutkan pelajaran. Namun apa yang berlaku, mereka yang berada juga berharap kepada pembiayaan ini. Bagaimana kita hendak mengubah sikap mereka yang sebegini?

Saya berasa, usaha mendorong orang untuk bersedia dalam soal membiayai ini ialah orang yang boleh membiayai. Kalau kita lihat di kalangan pelajar yang mempunyai pencapaian akademik yang baik, di kalangan mereka ramai yang keluarganya berkemampuan, khususnya kalau mereka belajar di IPTA. Bukan saya hendak mengata IPTA atau IPTS, tetapi hakikatnya, IPTA mengenakan yuran yang lebih rendah.

Mereka yang berpendapatan tinggi, seharusnya digalakkan membiayai pengajian anak mereka. Kalau semua anak kakitangan kerajaan memang dapat, itu sudah jadi dasar, maka saya rasa tak patut ia dijadikan dasar. Ini kerana, ramai kakitangan kerajaan terutama pada peringkat tinggi, seharusnya mempunyai kemampuan kalau anak mereka berada di IPTA. Kalau nak beri pun, beri sikit (pinjaman) supaya yang lebih, dapat diberikan kepada yang benar-benar memerlukan.

Apa yang saya nak tekankan juga, pendidikan untuk (membolehkan mereka yang mampu) bersedia memberi pembiayaan kepada anak sendiri dilakukan secara beransur-ansur. Apa pun ia adalah pinjaman dan kena bayar juga dan jika kita biaya pendidikan anak bermakna kita memberikan sumbangan kepada anak.

Mungkin pada tahun ini, apabila kita hendak timbangkan pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kita lihat pada kemampuan keluarga dan kalau berkemampuan kita kurangkan atau tak beri langsung. Sudah mampu nak buat apa beri?

Bagaimana sebenarnya kita nak ubah sikap mereka yang mampu ini?

Kena ubah dengan cara paksalah. Adakan dasar yang mendorong mereka untuk membiayai. Saya katakan begini, kita ambil contoh, pelajar yang baru diterima masuk ke IPTA tahun ini. Sebenarnya mereka ini cemerlang.

Cuba kita katakan, tak ada pinjaman. Apakah akan berlaku kepada keluarga itu khususnya yang mampu? Sama ada dicari tempat untuk berhutang atau dibiaya sendiri. Tetapi kalau kita kata, tak apa boleh beri, bermakna kita tidak mendorong.

Kita laksanakan dasar mereka membayar, tetapi bukan semua orang. Mereka yang benar-benar mampu.

Namun apa yang kadang-kadang berlaku, dasar tinggal dasar. Sebagai contoh, apabila tengok surat permohonan... yang ini kena bagi.

Sebab apa kena bagi? Yalah, tapi hakikatnya ...

Saya faham. Tetapi kalau kita berasa kena bagi apa yang kita hendak capai, tak tercapailah. Tetapi kalau kita lihat orang begini, bapanya sekian... kita kenal bapanya siapa dan tahu bapanya mampu, kita katakan terus orang ini tak boleh dapat. Secara umum, katakan orang yang berpendapatan sekian-sekian tak akan diberi pinjaman, orang yang berpendapatan sekian-sekian kita beri 50 peratus, 30 peratus... 70 peratus. Kita hebahkan bahawa ini dasarnya. Jadi dengan itu dia terpaksa. Apabila terpaksa dia akan buat sebab anaknya sudah berada di universiti, takkan dia nak tarik dan kata kepada anak "tak usah sekolah"? Dengan demikian adalah sebahagian wang yang seharusnya diberikan kepada orang lain akan dapat digunakan untuk orang lain.

Satu lagi cara ialah, saya tak fikir kita harus beri pinjaman sepenuhnya, misalnya sekadar yuran dan sedikit perbelanjaan. Kadang-kadang yang miskin ini Borang J (untuk cukai pendapatan) pun tak ada, jadi mereka ini nak jadi penjamin untuk PTPTN pun susah, apa lagi nak jadi penjamin untuk pinjaman bank. Susah. Jadi orang begini kita harus fikir juga.

Tetapi orang yang ada Borang J ini lain ceritalah kan. Jangan kita samakan semuanya. Lepas itu kita minta daripada kerajaan sebanyak mana wang yang ada. Akhirnya apa? Kita nak jadikan PTPTN ini tabung yang terbesar di dunia ke?

Kita melihat, bagi yang kurang mampu, hanya melalui pendidikan mereka boleh meningkatkan taraf hidup dan seperti yang Datuk katakan, kebanyakan mereka pencapaian akademiknya kurang baik. Nak masuk IPTS memanglah tak mampu dan nak harapkan kepada Mara semata-mata untuk sediakan tempat bagi kursus kemahiran, Mara juga mungkin tak mampu. Jadi bagaimana kita hendak menyelesaikan masalah golongan ini?

Itu yang saya katakan bahawa kita lihat secara keseluruhan. Kalau kita katakan mereka yang masuk IPTS dapat 50 peratus saja (pembiayaan), saya rasa ini susah sikit. Sebab yang mampu untuk membiayai sendiri adalah mereka yang masuk IPTA. Jadi mengapa yang IPTA kita beri peluang?

Apa kata kalau mereka yang berada di IPTA dan mampu dari segi akademik dan kewangan kita tak usah beri dan wang ini boleh digunakan untuk mereka yang tidak mampu di IPTS. Di IPTS juga ada yang mampu. Mengapa tidak yang mampu itu juga kita kurangkan. Jadi kita ada dua standard, iaitu untuk IPTA dan IPTS. Dengan cara itu kita boleh tambah bilangan yang boleh dapat pinjaman.

Kita lihat masalah masyarakat sekarang ialah pinjaman itu adalah modal untuk melanjutkan pelajaran dan tidak melihat kepada tabungan sendiri. Bagaimana kita hendak katakan kepada mereka jangan bergantung sangat kepada kerajaan?

Yalah macam PTPTN sendiri, ia masih baru beroperasi. Sebelum ini kita bergantung hampir sepenuhnya kepada biasiswa. Sekarang kita bergantung sepenuhnya kepada pinjaman PTPTN. Saya berasa dah lama sepatutnya kita usaha untuk menggalakkan masyarakat membeli insurans pendidikan sebaik anak lahir. Mengapa tidak ini digalakkan. Walaupun mungkin sudah terlambat bagi yang sudah nak masuk, tetapi bagi yang akan datang. Kalau kita tidak usahakan sedemikian, 18 tahun kemudian apabila anak yang lahir hari ini, nak masuk universiti masih mengharapkin pinjaman.

Tetapi kita lihat ini bergantung kepada sikap juga?

Sememangnya, sikap. Kita kata kita orang Islam dan kita tahu Islam itu satu agama yang berdasarkan kepada ilmu. Sebuah hadis Rasulullah yang bermaksud; "Kalau seseorang itu hendak cari kehidupan di dunia dia mesti berilmu, kalau dia hendak cari kehidupan akhirat dia juga mesti berilmu, kalau dia hendak cari kebahagiaan di dunia dan di akhirat, pun perlukan ilmu."

Jadi kita sebagai orang Islam apabila mendengar hadis ini, apa maksudnya? Bermakna ilmu itu adalah sesuatu yang amat penting. Boleh dikatakan sebagai keperluan asas pada semua umat Islam. Sebagai keperluan asas bukan bermakna pergi hantar anak ke sekolah saja dan selain menghantar ke sekolah kita juga mesti tahu keperluannya, bahawa kita mesti mampu menanggungnya. Jadi kita mesti berusaha untuk menanggung mereka, bukan setakat makanan tetapi juga pendidikan. Dan kalau sudah mampu demikian dan selepas sampai ke sekolah menengah, kemudian nak masuk ke universiti kita nak kata serah pada Tuhan? Ini yang tak boleh. Jelas sekali, bagi orang yang katakan anaknya berumur lapan, dan sepuluh tahun lagi akan masuk universiti dan mungkin tidak akan dapat pinjaman oleh itu dia seharusnya mula merancang supaya anaknya mendapat pendidikan sepatutnya.

Seperti yang saya katakan, pertama kita buat peraturan, kemudian kita tekankan pada masyarakat Bumiputra mengenai ajaran agama. Penekanan bukan bermakna menghantar tetapi pengorbanan yang dianggap sebagai pelaburan kepada anak-anak. Bermakna ini tanggungjawab kita sebagai ibu bapa untuk memastikan bahawa anak yang mampu mendapat pendidikan tinggi diberikan

peluang itu. Bagaimana? Sama ada kita terpaksa meminjam, berjimat dari segala keperluan kita.

Kadang-kadang kita tengok ada pelajar menggunakan telefon bimbit yang bilnya mencecah ratusan ringgit. Ini hakikat. Kenapa kita benarkan anak belanja ratusan ringgit untuk bil telefon tetapi tidak untuk pendidikannya. Di mana keutamaan kita?

Saya nampak masalah kita ialah, seolah-olah, dulu biasiswa sekarang pinjaman, itu adalah right (hak). Adalah satu hak. Saya berasa ini adalah satu privileged bukan right. Kita berasa ini hak kita, tak boleh. Kalau kita berasa ia privileged maka bergantung kepada keadaan. Kalau negara mampu lain cerita, kalau tak mampu takkan nak paksa juga.

Adakah Datuk melihat 'terlupa' kepada tabungan berlaku kerana orang kita berasa bahawa pendidikan peringkat tinggi masih tanggungjawab kerajaan?

Dia rasakan itu adalah hak bukan privileged. Bagi yang masuk universiti dia berasa hak dia untuk dapatkan pembiayaan. Yang kedua saya berasakan ialah kita tak sanggup berkorban untuk pendidikan walaupun kita sanggup berkorban untuk kemewahan hidup anak kita. Kita sanggup - kita bawa pergi bercuti, berikan telefon bimbit, kereta, motosikal, tetapi kalau kita gunakan wang yang sama untuk berikan pendidikan sepenuhnya itu macam kita tak sanggup. Ini masalah kita sebenarnya. Saya mungkin menimbulkan kemarahan pada beberapa orang, tetapi biarlah orang marah saya kerana saya berasa ini perkara yang benar. Kerana apa? Saya perhatikan memang betul walaupun orang itu mungkin berpendapatan tinggi tetapi masih berusaha sedaya upaya untuk mendapatkan biasiswa dan sebagainya untuk anak mereka. Ini yang saya tak faham, walaupun mereka mampu.

Tetapi ada juga sesetengah orang yang apabila dia mampu dia tak mahu anaknya terima (pembiayaan). Orang sebegini berasa ini adalah tanggungjawabnya dan mengapa mesti dilepaskan kepada orang lain, sama ada kerajaan atau sebagainya.

Tapi orang sebegini tidak ramai?

Memanglah, orang baik-baik memang kurang sikit. Dari satu segi adalah tidak adil jika kita bandingkan antara Bumiputra dengan bukan Bumiputra dalam soal penghantaran anak ke IPTA/IPTS kerana taraf ekonomi yang jelas berbeza.

Saya fikir begini, saya masih ingat lagi sewaktu saya bersekolah. Bagi pelajar Melayu yang bersekolah aliran Inggeris yang masuk melalui Special Malay maka orang itu tidak diwajibkan membayar yuran (sekolah Melayu memang tak ada yuran kalau ada pun setahun sekali). Tetapi bagi buka Melayu yang tak mungkin masuk dengan cara sama, wajib bayar yuran. Bermakna mereka sejak dari lama lagi sudah biasa membayar.

Ini juga bermakna sekarang ini kita harus menanam satu paradigma baru di kalangan orang kita, bahawa kita harus menerima hakikat pendidikan anak adalah tanggungjawab kita berdasarkan ajaran agama dan juga keadaan semasa. Kita mesti berpegang kepada tanggungjawab ini. Dalam al-Quran juga disebut yang pertama harta kedua, anak. Kalau disebut jihad bukan saja dengan harta tetapi juga dengan anak, diri sendiri. Itu menunjukkan iltizam yang mana harta adalah sebahagian daripada perkara yang sanggup kita berikan atau berpisah dengannya. Sama juga dengan kita bersedekah...tetapi kita bagi 20 sen atau 50 sen. Kita sanggup beri sedekah... tetapi 50 sen. Saya sanggup beri sedekah tetapi RM50, ada maknalah kan? Ini cakap, sanggup, sangup.... iltizam, tapi tak cukup.

Bercakap mengenai paradigma baru, perubahan sikap, ia mungkin agak lambat. Bagaimana Datuk melihat pelaksanaan itu dapat dibuat supaya mereka sedar bahawa sekarang ini jangan terlalu bergantung kepada kerajaan?

Satu daripada pelajaran yang boleh kita ambil iktibar ialah pada waktu kita dalam keadaan susah sewaktu pendudukan Jepun. Sukar nak dapat makanan. Tetapi orang Melayu sanggup berusaha mencari rezeki, sama ada

tanam ubi, buat kerepek dan macam-macam. Bermakna kita kreatif apabila menghadapi cabaran. Kenapa tidak cabaran itu diberikan. Seperti yang saya katakan, jangan beri atau kurangkan, supaya dicari sendiri. Kalau diberi tak akan jadi. Begitu juga dengan agama. Dalam Islam yang pertama tidak dikata rukun Islam ialah sembahyang, tetapi syahadat. Tidak ada guna usaha, guna wang, tidak guna apa, tapi mulut saja. Kemudian sembahyang... kena cari wang, kalau tidak macam mana nak tutup aurat, nak cari air dan sebagainya. Apabila dipaksa begitu barulah dia kreatif untuk berusaha.

Mungkin juga berlaku, kita sudah melepasi zaman kesusahan itu?

Kita boleh bangkitkan kesusahan itu.

Tetapi bagi sesetengah kita mereka beranggapan, datuk nenek kita sudah bersusah payah mencapai kemerdekaan dan ini negara kita dan sudah sampai masanya kita meraih nikmat kemerdekaan.

Tak boleh. Macam mana pun yang tiada had ini hanya Tuhan saja. Manusia, kerajaan semua ada had.

Saya bagi contoh, zaman Nabi Sulaiman, baginda adalah raja di dunia yang paling masyhur. Bukan saja raja bagi manusia tetapi juga bagi semua makhluk termasuk jin.

(END)